

17/02/1999

Barisan Sabah tunggu isyarat Perdana Menteri

TAWAU, Selasa - Barisan Nasional (BN) Sabah bersiap sedia sepenuhnya untuk menghadapi pilihan raya negeri dan hanya menunggu isyarat daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung pembubaran Dewan Undangan Negeri.

Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok yang juga Pengerusi BN Sabah hari ini berkata, jentera pilihan raya juga sudah sedia untuk digerakkan sepenuhnya.

"Kita kini hanya menunggu `tiupan wisel' dan isyarat daripada Perdana Menteri saja," katanya ketika ditemui selepas menghadiri majlis rumah terbuka Parti Maju Sabah (SAPP) bahagian Tawau sempena perayaan Tahun Baru Cina di sini.

Kira-kira 5,000 orang menghadiri majlis rumah terbuka itu termasuk Presiden SAPP Datuk Yong Teck Lee, dan Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri Datuk Michael Lim yang juga Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Sri Tanjung.

Ketika ditanya mengenai pemilihan calon BN, Dompok berkata BN tidak menghadapi masalah dan semua parti komponen BN Negeri telah menyatakan akan akur serta menyokong siapa juga calon BN yang dipilih untuk bertanding.

Yang penting katanya, ialah semua anggota BN mesti terus bekerja keras memastikan kemenangan BN.

Menurut beliau, pihak pembangkang hanya membangkitkan isu lama seperti dalam setiap kali pilihan raya lepas tetapi BN telah membuktikan bahawa ia berjaya membawa pembangunan pesat sejak memerintah Sabah kira-kira lima tahun lepas.

"Rakyat tidak harus terpedaya dengan janji pembangkang sebaliknya mesti terus memberi mandat kepada BN bagi meneruskan kesinambungan pembangunan negeri," katanya.

(END)